

25/07/1999

BN Kelantan perlu tingkat usaha

Veena Rusli

JELI: Perpaduan dan semangat baru yang wujud di kalangan ahli Umno Kelantan perlu diserapkan ke peringkat akar umbi parti selaras usaha meningkatkan usaha Barisan Nasional (BN) untuk kembali berkuasa di negeri ini pada pilihan raya umum akan datang.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, berkata semangat tinggi itu sewajarnya mendorong semua pihak bekerja lebih kuat dan tegas bagi memastikan ia tidak melalaikan ahli Umno Kelantan daripada terus berusaha.

Beliau berkata, lawatan dua hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Kelantan berakhir kelmarin banyak menyuntik semangat di kalangan rakyat untuk membantu Umno mengakhiri pemerintahan Pas di negeri ini.

"Kita nampak semangat pemimpin dan ahli Umno Kelantan kini semakin tinggi tetapi pada masa sama kita tidak mahu keadaan ini membuatkan semua pihak cepat berpuas hati.

"Tumpuan kita kini ialah untuk menyalurkan perubahan semangat ini ke bawah... jawatankuasa di atas sudah sempurna, jadi wakil rakyat BN perlu turun ke peringkat akar umbi untuk mengukuhkan usaha kita," katanya di Kompleks Umno Jeli di Bukit Nangka dekat sini, semalam.

Terdahulu, beliau yang juga Ahli Parlimen Jeli, menyampaikan sumbangan biasiswa kepada 715 pelajar sekolah rendah dan menengah dalam Parlimen berkenaan.

Mengulas dakwaan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa BN tidak perlu menawan Kelantan berikutan sudah mempunyai Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) dan dua menteri penuh di peringkat Pusat, Mustapa berkata kenyataan itu bertujuan memancing undi semata-mata.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata, alasan itu tidak logik kerana banyak program Kerajaan Persekutuan gagal disempurnakan di Kelantan berikutan pelbagai halangan yang ada.

Sebagai contoh, katanya, antara isu besar yang timbul pada peringkat awal pemerintahan Pas ialah masalah tanah sekali gus membuatkan banyak projek besar Kerajaan Persekutuan tergendala.

"Walaupun dalam lingkungan sempit dan banyak rintangan, saya bersama (Menteri Pembangunan Luar Bandar) Datuk Annuar Musa tetap berusaha untuk bergerak sebaik mungkin bagi membawa perubahan di Kelantan.

"Kita tahu kemudahan infrastruktur di negeri ini memang kurang manakala kadar kemiskinannya juga tinggi tetapi keadaan akan lebih mudah ditangani jika BN mengambil alih pemerintahan," katanya.

Mengenai sikap Pas yang terus menyebarkan pelbagai dakwah terhadap Umno, Mustapa berkata rakyat negeri ini sudah semakin cerdik membuat penelitian dan pandai menilai di antara kebenaran dengan fitnah pembangkang.

Beliau berkata, ada penyokong fanatik Pas yang dulu meyakini undi terhadap parti pembangkang itu boleh menjamin tempat mereka di syurga, kini sudah beralih angin dan menyebelahi Umno.

"Mereka berasa terpedaya kerana Pas pernah mengkafirkan Umno gara-gara bekerjasama dengan orang bukan Islam, tetapi sudahnya Pas pula bersekongkol menerusi 'perkahwinan' dengan DAP.

"Ini adalah sesuatu yang sukar diterima oleh orang kampung, tambahan pula Pas kini dibebani pelbagai masalah seperti penubuhan Pas baru dan pergolakan di Besut.

"Kita yakin kebenaran akan terserlah juga kerana rakyat Kelantan sudah pandai menilai dan akan membuat keputusan yang terbaik demi masa depan

mereka," katanya.

(END)